Perancangan Strategik Kewangan.

Ilmu perancangan dan pengurusan banyak membantu kehidupan kita agar menjadi terbaik “ahsan” atau “itqan” sebagaimana sifat sewajarnya seorang beriman. Nabi menyatakan bahawa Allah mengasihi hambanya yang apabila melakukan sesuatu kerja dilakukanya dengan “itqan”.

Allah mewajibkan hambanya untuk memiliki sikap Ihsan dalam semua perkara sehingga ketika menyembelih binatang sembelihan.

Sikat terbaik dan teliti adalah perlu diamalkan kerana hisab Allah di akhirat juga detail sehingga sebesar atom yang kecil akan ditimbang dan dilihat balasannya baik atau buruk.

Kajian sains, teknologi terhadap pelbagai bidang kehidupan menjadikan kita mampu mencipta pelbagai kayu ukur atau neraca dalam menimbang sesuatu perkara. Daripada data dan maklumat ini golongan pakar dapat mengira berat sesuatu jirim, kelajuan pergerakannya, daya tahan dan jangka hayatnya.

Ilmu-ilmu ini membantu kita melihat masa hadapan dan menentukan sikap yang betul terhadap setiap tindakan kita. Apabila kita membeli kenderaan, pengeluarnya akan memberikan kepada kita manual untuk dilakukan baik pulih mengikut piawaiayan yang telah ditetapkan. Kontraktor akan memantau pembinaan sebuah bangunan mengikut plan yang telah ditulis. Guru akan menyusun jadual pendidikan dan pembelajaran berasaskan matlamat tahunan yang ingin dicapai dalam kemenjadian muridnya di akhir tahun.

Kesemua ini bermula dengan melakukan perancangan srategik kemudian plan tindakan yang betul dan tepat. Setiap bidang ada golongan yang pakar dalam bidang tersebut dan merujuk golongan pakar adalah tuntun agama. Terutamanya pada masa ini tidak semua manusia pakar dalam semua perkara.

Tidak terkecuali dalam bidang kewangan. Bidang ini terlalu luas sehingga memiliki pelbagai suruhanjaya pemantau, pelbagai institusi, instrument dan produk yang saling melengkapi sebuah sistem kewangan.

Di Malaysia ada Parlimen yang menggubal pelbagai akta termasuk akta kewangan Islam. Ada suruhanjaya sekuriti yang mengawal selia jual beli pelaburan di Bursa Malaysia. Bank Negara mengawal selia urusan Perbankan, Insurans dan Takaful, ada suruhanjaya koperasi yang menyelia koperasi dan Amanah Raya Berhad yang menyelia dan menguruskan pelbagai harta termasuk harta-harta tunai orang yang meninggal dunia.

Daripada akta dan suruhanjaya ini wujud pelbagai perniagaan dan perkhidmatan seperti; broker saham, pengurus unit amanah, agensi takaful, perbankan, pengendali tabung-tabung pekerja seperti KWSP, perunding wasiat dan perunding hartanah. Selain daripada itu wujud pihak lain seperti firma guaman dan firma juru audit bagi memastikan semua aktiviti kewangan ini ditadbir dengan baik.

Perancangan strategik adalah menentukan matlamat kewangan jangka masa pendek, sederhana dan panjang, menganalisa kekuatan kewangan atau punca pendapatan, menganalisa kelemahan kewangan untuk jangka masa pendek, sederhana dan panjang, mengenal pasti risiko yang menjejaskan matlamat kewangan dan melihat pelbagai peluang yang boleh digunakan untuk menampung kelemahan dan menghadapi risiko kewangan.

Analisa SWOT



<u>Secara stretagiknya adalah.</u>

“Menggunakan kekuatan kewangan untuk menggunakan peluang bagi mengatasi kelemahan kewangan ketika menghadapi ancaman”

Perancangan Kewangan Keluarga

Setelah itu satu matlamat kewangan digariskan untuk jangka masa pendek, sederhana dan panjang dan instrument kewangan tertentu dipilih sebagai alat untuk mencapai matlamat kewangan. Dengan perancangan ini seseorang itu sudah menyediakan profil kewangannya dan tahu apakah tindakan yang perlu di lakukan bagi menjamin kestabilan kewangan dan semua matlamat dicapai.

Semua perancangan ini bertujuan supaya kita mampu menunaikan tanggungjawab sebagai hamba dan khalifah secara maksima dan mendapat syurga di akhirat.

“Hisablah diri kamu sebelum dihisab”.

Zaman telah berubah, kita juga perlu berubah mengikuti perubahan masa ilmu dan teknologi. Amat pelik apabila kita membeli rumah kita membeli rumah yang dibina berasaskan plan. Kita bekerja setiap hari kita perlu mengikuti plan strategik dan plan tindakan organisasi kita tetapi plan strategik kewangan keluarga sudahkah kita lakukan. Sudahkah dilukis plan kewangan untuk keluarga? Sudahkan ada instrument kewangan yang tepat dipilih berasaskan objektif dan kemampuan?

Perunding kewangan diluar sana ada yang berbayar dan ada yang percuma. Hubungi perunding kewangan yang memberi khidmat percuma yang mendapat pendapatan apabila produknya diterima. Terdapat lebih 5 produk dalam setiap institusi kewangan dan terdapat lebih 20 institusi yang berada diluar sana. Perunding kewangan professional akan membuat kiraan yang sama kerana mereka menggunakan kaedah dan aplikasi yang sama. Namun produk yang dicadangkan akan berbeza anta setiap orang kerana setiap orang

berbeza matlamat, kekuatan kewangan, bebanan liability, usia dan tahap kesanggupan mengambil risiko.

Pendapatan dan Perbelanjaan akan di Audit di Akhirat.

"Kamu pasti akan diaudit pada hari itu (hari akhirat) tentang nikmat-nikmat yang dinikmati di dunia" Surah At Takasur

"Sesiapa yang melakukan sebesar atom kejahatan akan melihat balasannya" Surah al-Qari`ah.

"Kaki seorang hamba tidak akan berganjak di akhirat sehingga dihitung tentang umurnya di manakah digunakan, usia mudanya dimanakah dia teruji, ilmunya apakah yang diamalkan dan tentang hartanya dari mana diperolehi dan ke manakah dibelanjakan" maksud hadis.

Memastikan perbelanjaan yang betul, halal dan mengikut keutamaan adalah satu kefarduan sebagaimana memastikan pendapatan yang halal.

Antara strategi Iblis untuk menghumbankan anak-anak Adam ke dalam neraka adalah menggoda hawa nafsu mereka agar mendahului perkara yang kurang utama daripada perkara yang lebih utama.

"Put First Thing First" adalah antara 7 tabiat orang-orang yang berjaya dan sudah pasti tabiat ini lahir daripada tabiat sentiasa proaktif, sentiasa melihat matlamat akhir perjuangan dan kehidupannya serta sentiasa seimbang dalam membuat keputusan.

“Big Picture” Kewangan.



Gambarajah di atas menggambarkan piramid keutamaan dalam mengagihkan perbelanjaan dan matlamat kewangan sesebuah keluarga atau individu. Sebagai seorang ketua keluarga anda perlu memiliki perancangan kewangan yang menyeluruh merangkumi seluruh garis masa perjalanan hidup dan kewangan keluarga sehingga anda bertemu dengan Allah.

“Gagal merancang adalah merancang untuk gagal”.

Terdapat lima aspek penting dalam perancangan kewangan yang perlu dilakukan supaya anda mencapai kebahagiaan di dunia dan di akhirat.

Mengira dan menyediakan:

1.Tabung keperluan sarahidup sehingga bersara.

2. Tabung persaraan.

3. Tabung pendidikan tinggi anak-anak

4. Tabung rawatan hospital.

5. Dokumen agihan harta kepada waris.

Aspek Pertama : Tabung Sarahidup.

Seorang lelaki wajib memberi nafkah kepada isteri dan anak-anaknya berupa; tempat tinggal, kenderaan, pakaian, makan-minum dan pendidikan sama ada fardu ain atau kemahiran hidup. Kos sarahidup ini menjadi tanggungjawab suami dan wali kepada keluarga ini.

Berusaha mencari peluang menjana pendapatan adalah tanggungjawab seorang lelaki bagi menyara keluarganya. Kebanyakan nabi berkerja mencari nafkah; Musa a.s. menternak kambing, begitu juga Ibrahim a.s. Nabi Daud menjadi tukang besi dan nabi Muhammad s.a.w. sendiri menternak kambing semasa remaja dan berniaga semasa dewasa.

Namun masyarakat wajib menyediakan satu system taawun, kerjasama, berkorban sebahagian kekayaan sesama mereka dalam menghadapi kemelut kewangan akibat perkara yang diluar jangka.

Berapakah kos sarahidup anda sebulan, setahun dan hingga umur bersara?

Cukupkah asset dan pendapatan sedia ada untuk menanggung beban kewangan terutamanya ketika ditimpa musibah?

Mari kita kira satu persatu.

Berapakah kos wajib untuk sarahidup setiap bulan?(A)

		Keperluan Setahun
	Rumah	
	Kenderaan	
	Makan-minum	
	Bil-bil	
	Anak-anak	
	Ibu-bapa	
	Bayaran hutang	
	Total setahun	

Lain-lain tanggungan.(B)

	Baki hutang rumah	
	Baki hutang kenderaan	
	Baki hutang belajar	
	Baki hutang peribadi	
	Jumlah keseluruhan	

Jumlah A+B _____ (C)

Aset Sedia Ada.

	KWSP	
	Perlindungan sedia ada	
	Simpanan TH/BANK/ASB?Dll	
	Keuntungan perniagaan	
	Sewaan hartanah	
	Jumlah kekayaan (D)	

Jumlah kekayaan (D) – Jumlah bebanan (C) = E Jumlah perlindungan yang diperlukan untuk tabung sarahidup.

Jumlah Tabung Sarahidup _____ (E)

Sekiranya anda/encik lumpuh atau meniggal dunia semalam cukupkah simpanan dan asset anda/encik/tuan/puan untuk kaluarga anda meneruskan kehidupan seperti biasa.?

Aspek Kedua: Tabung Pendidikan Tinggi Anak-Anak

Anak-anak adalah amanah Allah. Kesolehan dan kemampuan mereka menyumbang ilmu, tenaga dan harta di jalan Allah adalah kemuncak kejayaan seorang ibu dan bapa. Kesemua ini bergantung kepada pendidikan yang sempurna sama ada asas-asas fardu Ain atau keperluan kemahiran fardu kifayah.

Semua perkara ini memerlukan kos yang disediakan oleh ibubapa.

	Nama Anak	Bidang Pengajian	Kos Keseluruhan
		Jumlah Tabung Yang Perlu di sediakan (PV)	
		Kos Masa akan Datang (FV)	

Apakah pilihan anda?

Menabung untuk pendidikan anak-anak anda dan mendapat diveiden?

Atau membiarkan anak anda berhutang nanti dan membayar interest?

Aspek Ketiga: Tabung Persaraan

Merancang aktiviti dan keperluan kewangan semasa persaraan daripada awal adalah tindakan yang bijak. Kelewatan membuat keputusan menjadikan peluang menjana pendapatan semasa persaraan semakin sempit.

Apa dan di manakah yang ingin dilakukan semasa usia persaran untuk memaksimakan tanggungjawab perhambaan kepada Allah; sebagai hamba dan khalifah? Apakah sumbangan yang ingin dilakukan kepada anak-anak yang baru memulakan kehidupan? Berapakah kos sarahidup yang diperlukan hingga bertemu Allah? Berapakah simpanan kewangan untuk menampung kos rawatan penyakit di usia tua? Apakah instrument pelaburan dan penjana pendapatan yang boleh dilakukan? Berapakah dana seluruh keperluan ini pada hari ini dan berapa pula nilainya pada masa persaraan

Kos Persaraan (F)

Bil	Perkara	Jumlah Nilai Sekarang
1	Kos Sarahidup Setahun sehingga bertemu Allah	
2	Kos Haji dan Umrah	
3	Kos Membina rumah idaman	
4	Kos Perkahwinan anak-anak	
5	Tabung modal perniagaan anak-anak	
6	Tabung melancung tahunan	
7	Kos rawatan kesihatan	
	Jumlah keseluruhan	
	Dengan kadar inflasi 3% berapakah jumlah yang diperlukan semasa bersara?	

Apakah strategi dan tabungan sedia ada dan berapakah nilainya masa bersara.

Tabung persaraan (G)

		Nilai semasa bersara
	KWSP	
	Unit Trust	
	Perlindungan Takaful	
	Hartanah	
	Pendapatan sewa hartanah	
	Jumlah	

Tabung Persaraan (G) - Keperluan Persaraan (H) = Gap atau kekurangan yang perlu ditampung (I)

G-H = I _____ ?

Apakah strategi untuk menampung kekurangan?

Bagaimana anda ditimpa musibah hari semalam, apakah dan dan asset anda mencukupi?

Sebagai seorang yang berilmu, berkemampuan, bebas membuat keputusan, apakah pandangan tuan tentang takaful?

Jika dengan baki pendapatan anda daripada perbelanjaan wajib harian digunakan untuk mengambil sijil takaful yang menampung seluruh keperluan hidup sebelum bersara, selepas bersara termasuk kos rawatan perubatan dan pendidikan anak-anak. Adakah anda bersetuju?

Aspek Keempat: Merancang Agihan Harta.

Semua kita akan meninggal dunia dan akan meninggalkan harta yang dikumpul. Islam mempunyai beberapa kaedah mengagihkan harta kepada waris dan bukan waris, semasa hidup dan sesudah meninggal dunia. Terdapat tiga cara transaksi pemindahan harta, sama ada melakukan:

1. Hibah semasa hidup kepada waris dan bukan waris.
2. Mewasiatkan 1/3 harta kejalan Allah selebihnya waris perlu merujuk hokum Faraid untuk mengagihkan harta simati, setelah urusan hutang, wasiat dan pengurusan jenazahnya di selesaikan.
3. Faraid.

Seseorang yang inginkan harta yang dikumpulnya dapat dimanfaatkan secara maksima di dunia dan akhirat perlu membuat pengurusan agihan semasa hidup lagi.

Proses untuk mengeluarkan harta simati dari institusi kewangan perlu melalui proses dibawah. Di mana seseorang yang meninggal dunia, semua hartanya akan dibeku sehingga selesai proses tuntutan oleh waris. Proses ini boleh dilakukan oleh waris atau simati telah terlebih dahulu membuat surat wasi bagi perlantikan pengurus hartanya selepas mati.



Gambarajah ini menggambarkan proses untuk mengeluarkan wang simpanan simati daripada institusi kewangan sama ada saham, simpanan bank, unit amanah dan sebagainya.

Menyiapkan dokumen bererti mengumpulkan semua dokumen waris seperti kad pengenalan, surat nikah dan surat mati. Kemudian berurusan dengan pejabat peguam untuk menulis afidavit perbicaraan bagi memohon sijil faraid daripada pejabat agama atau mahkamah syariah.

Mendaftarkan tarikh perbicaraan untuk mengesahkan waris simati dan menunggi mahkamah menyiapkan sijil faraid.

Setelah mendapat sijil faraid barulah membawa semua dokumen ke Amanah Raya Berhad untuk proses berikutnya.

Tempoh antara tarikh meninggal duni sehingga ARB selesai membayar wang kepada waris melebihi 12 bulan.

Keistimewaan Sijil Takaful Keluarga.

Satu sijil keluarga mempunyi satu hingga 10 keistimewaan.

1. Takaful keluarga bertujuan melengkapkan keperluan kewangan untuk merancang perlindungan kewangan akibat pelbagai musibah yang menjejaskan kemampuan berkerja dengan mendapat penggantian pendapatan akibat lumpuh, kematian dan ditimpa penyakit kritikal.
2. Menanggung pelbagai kos rawatan hospital
3. Pelaburan persaraan.
4. Simpanan pendidikan dan haji.
5. Penulisan hibah kepada penama atau perlantikan pengurus harta.
6. Terlibat sama dalam sistem tolong menolong yang adil dan menepati keperluan semasa.
7. Setiap hari anak yatim disantuni, balu, yang mengidap penyakit kritikal, lumpuh mendapat pampasan kewangan dan yang dirawat mendapat bantuan pembiayan kos rawatan anda mendapat pahala.
8. Apabila anda meninggal dunia dan meninggalakan hutang, wasiat untuk diwakafkan demi pahala akhirat dan kos sara hidup yang cukup untuk anak dan isteri anda pasti selamat di alam barzakh kerana amalan dan tindakan bijak yang anda telah lakukan.
9. Anda menggembirakan waris kerana tidak meninggalkan beban hutang dan kos sara hidup tetapi meninggalkan belanja yang mencukupi.
10. Mengelakkan zuriat dan waris menjadi miskin akibat musibah yang menimpa anda dan meyelamatkan mereka daripada miskin meminta-minta.
11. Proses tuntutan kewangan oleh waris selesai dalam masa 30 hari tanpa caj perkhidmatan.

12. Apakah faedah ini lebih utama daripada melanggan unify, data, astro, makan minum berlebihan, rokok, kereta dan kemewahan-kemewahan lain? Di akhirat semuanya akan diaudit.

Generasi muda yang baru memulakan kehidupan sendiri, memerlukan takaful kemalangan diri dan penggantian pendapatan. Generasi pertengahan memerlukan tambahan takaful pendidkan anak-anak, perlindungan hutang-hutang dan simpanan persaraan. Manakala generasi tua memerlukan perancangan agihan harta atau tabung alternative bagi meletakkan wang pencen, wang kwsp dan pelaburang yang telah matang supaya memudahkan waris selepas kematiannya.

Menyempurnakan semua perkara ini di usia muda adalah pilihan paling bijak.

Iklan

Kami menawarkan khidmat konsultansi dalam membuat plan stretegik kewangan keluarga setelah menganalisa SWOT kewangan dan membuat objektif-objektif kewangan kemudian mencadangkan plan tindakan dan produk-produk pilihan untuk mencapai matlamat kewangan.

Kami membantu keluarga anda merangka blueprint kewangan sepanjang hayat. Berasaskan kerangka yang tersedia anda mampu membuat analisa dan retreat kewangan setaip tahun untuk memastikan matlamat kewangan anda berada dilandasan yang betul.

2. Pengambilan wakil baru.

Agensi kami juga menjadi wakil Etiqa Family Takaful untuk merekrut dan membimbing wakil-wakil baru sebagai wakil Etiqa Family Takaful.

Sila hubungi kami untuk maklumat lanjut.

Annuar Salleh

Pengarah Agensi

Annuar Salleh Agency (Sejak 2009)

Alitqan Wealth Resources (Sejak 2015)

hr.alitqanwr@gmail.com

Tel/0193800543

wasap.my/60193800543/auditkewangan. Klik untuk saya hubungi.

3 Februari 2021.